



# GARIS PANDUAN POLISI BILIK SERVER

---

## TUJUAN

Polisi ini diwujudkan adalah bertujuan menetapkan prosedur akses ke Bilik Server di Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat (BPTM).

## SKOP


Bilik Server yang terletak di bersebelahan dengan ruang pejabat Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat merupakan kawasan akses yang terhad. Kebenaran hanya diberikan kepada kakitangan BPTM sahaja yang memerlukan akses berterusan atau kerap menggunakan bilik server. Kakitangan lain atau pembekal dikehendaki mendapatkan kebenaran akses ke bilik server daripada BPTM.

## PERATURAN BILIK SERVER

- Dilarang mematikan server atau perkakasan rangkaian yang telah dipasang tanpa kebenaran supaya operasi tidak terganggu.
- Dilarang membuka atau mengalihkan perkakasan dari tempat asal tanpa penyeliaan Penyelaras ICT untuk mengelakan kerosakan disebabkan oleh salah pengendalian.
- Dilarang memasuki bilik server tanpa kebenaran
- Dilarang mematikan penghawa dingin di bilik server supaya tahap kepanasan dan pemeluwapan tidak berlaku.
- Dilarang mengalih atau memindahkan segala peralatan dan perkakasan dalam bilik server tanpa kebenaran.
- Melaporkan sebarang kerosakan dan kehilangan terhadap semua peralatan, perkakasan dan perisian kepada pegawai ICT dengan segera.

## KAWALAN

Individu yang memerlukan akses ke bilik server haruslah mematuhi polisi yang telah ditetapkan bagi menjamin keselamatan bilik server.



BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI  
MAKLUMAT  
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN  
MAJLIS PERBANDARAN LANGKAWI  
BANDARAYA PELANCONGAN